



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU


AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 53

RABU 31HB DISEMBER, 1980.

1401 رابو 23 صفر

PERCHUMA



ISTANA BARU DI-JANGKA SIAP OGOS, 1983

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjanjian yang bersangkutan dengan pengorniaan kontrak pembinaan sa-buah Istana baru bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berlangsung di-sini baru2 ini.

Perjanjian tersebut telah di-tanda-tangani oleh kedua2 pihak Kerajaan dan firma binaan — Ayala International Borneo Berhad yang beribu pejabat di-Filipina. Upacara tersebut di-adakan di-Pejabat Setia-usaha Kerajaan di-sini.

Hadhir dan sa-terus-nya mewakili pihak Kerajaan di-dalam menanda-tangani perjanjian tersebut ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, sementara menanda-tangani bagi pihak firma yang di-anugerahkan membina projek tersebut pula ia-lah Awang Enrique Zobel yang juga sa-laku pengerusi Ayala International.

Turut sama hadir di-upacara itu termasuklah Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Awang Haji Yunus bin Haji Mohd Hussein, Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Pengarah Ayala International, Awang Salvador Castro.

Pelita di-beritahu yang kerja2 perengkat awal pembinaan projek itu di-jangka bermula tidak berapa lama lagi dan pembinaan-nya di-jangka selesai di-dalam bulan Ogos 1983.

Projek tersebut, satu2-nya projek terbesar pernah dilaksanakan oleh kedua2 pihak apabila siap nanti akan mengandungi sa-buah Balai Singgahsana, Balai Penghadapan, sa-buah Balai Pempantapan, Surau, kelinik, sa-buah kompleks sokan serta tempat2 kediaman kerabat2 Diraja.

Pembinaan bangunan yang berasaskan seni binaan Islam bagi melambangkan Islam dan identiti kebudayaan Brunei itu akan di-awasi oleh Awang Salvador Castro dan ia-nya akan di-bina di-sa-buah kawasan sa-luas kira2 300 ekar berdekatan dengan tebing sungai di-Batu 3, Jalan Tutong.

Pembinaan projek tersebut di-jangka akan melibatkan kira2 2,000 orang pekerja.

GAMBAR atas model Istana baru pemandangan dari hadapan.

Manis-nya Iman

RASULULLAH s.a.w. pernah di-manya: "Apa-kah tuntutan jalan raya itu?" Baginda menjawab: "Hendak-lah kamu tidak rambang mata; hendak-lah kamu berbeati dari perbuatan yang menyakiti; hendak-lah kamu menjawab salam; hendak-lah kamu menyuruh berbuat baik dan mencegah dari berbuat munkar." — HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim.

PERANAN PENULIS DALAM MEMAHAMI KEMERDEKAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penulis2 tanah ayer yang menyuarakan rasa hati ingin merdeka, berdaulat dan menjadi bangsa yang bernaung di-tanah ayer-nya melalui tulisan2 mereka itu; ada-lah sa-bahagian di-antara mereka yang 'concern' terhadap-nya.

Peranan mereka di-samping mengisi dan mengukuhkan kemerdekaan, mereka juga di-harap akan dapat menyalurkan sumbangan2 yang berkesan ka-arrah mengetarakan realiti bangsa merdeka dengan merangsang orang ramai untuk mencapai kemerdekaan itu dengan sa-baik2-nya dan mengechap nikmat-nya dengan sa-manis2-nya.

Demikian tegasan penting oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam ucapan merasmikan Hari Perkampungan Sastera 80 di-Dewan Kulliah Bangunan Peringatan Churchill di-ibu negeri Khamis lepas.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menambah kata, peranan mereka sa-makin lebeh perlu lagi apabila penulis2 tanah ayer merujuk 'commitment' masing2 sa-bagai individu Islam di-mana mereka sa-patut-nya melihat dan memahami

kemerdekaan itu lebeh merupakan suatu amanah dan tanggung-jawab untuk tujuan2 murni bernegara sa-bagai hamba Allah.

"Ini memerlukan mereka lebeh teliti dan lebeh bijaksana pada memilih thema2 persoalan mengenai aspirasi kemerdekaan supaya jangan sampai mengelirukan 'audience' mereka atau pun mem-

bawa orang ramai berfahaman negatif terhadap aspirasi kemerdekaan dan pengisian-nya nanti," tegas-nya lagi.

"Dan saya berharap kepada penulis2 tempatan yang 'sambat malamari dan berbasah karing' di-tanah ayer-nya sendiri tidak akan tergagak menghasilkan tulisan2 seperti penulis2 pendatang yang

singgah, melihat dan bertemu dengan raayat sa-pintas lalu lintas menulis mengenai negeri ini tetapi tidak berupaya menyelok-mendalami sampai ka-lubok hati nurani kita, sedangkan tulisan2 orang luar itu akan di-anggap autoritatif oleh kebanyakan orang.

Lihat muka 18

Menyandang Kolonel penoh



Kolonel Pg Haji Ibnu



Kolonel Pehin Dato Haji Mohammad

BERAKAS KEM. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan kenaikan pangkat Kolonel penoh kepada tiga orang pegawai2 kanan Rejimen Askar Melayu Diraja Brunei.

Kenaikan pangkat daripada Leftenan Kolonel kepada Kolonel penoh itu ada-lah bagi Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Dato Pahlawan Haji Mohammad, 37 tahun dan YDM Pehin Dato Indera Setia Dato Paduka Sulaiman, 39 tahun, mula berkhidmat dengan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei di-dalam bulan Januari 1961 dan ketiga2 mereka telah mendapat didekan ketenteraan di-Semenanjung Malaysia dan seterusnya di-tauliahkan sa-bagai Leftenan Muda kira2 20 tahun yang lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Dato Pahlawan Haji Mohammad mula dinaikkan pangkat daripada Major ka-Leftenan Kolonel di-dalam bulan Julai tahun 1974 dan manakala itu kenaikan

YAM Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Haji Ibnu dan YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad mula dinaikkan pangkat daripada Major ka-Leftenan Kolonel di-dalam bulan Julai tahun 1974 dan manakala itu kenaikan

Kolonel Pehin Dato Sulaiman

Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud dan Yang Dimulikan Pehin Dato Indera Setia Dato Paduka Sulaiman bin Awang Damit. Kenaikan2 ini berenula esok, 1hb Januari 1981.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Haji Ibnu, 39 tahun, YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, 37 tahun dan YDM Pehin Dato Indera Setia Dato Paduka Sulaiman, 39 tahun, mula berkhidmat dengan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei di-dalam bulan Januari 1961 dan ketiga2 mereka telah mendapat didekan ketenteraan di-Semenanjung Malaysia dan seterusnya di-tauliahkan sa-bagai Leftenan Muda kira2 20 tahun yang lalu.

YAM Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Haji Ibnu dan YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad mula dinaikkan pangkat daripada Major ka-Leftenan Kolonel di-dalam bulan Julai tahun 1974 dan manakala itu kenaikan

Lihat muka 18



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASMI
KEHAKIMAN
NEGERI
BRUNEI

31HB DISEMBER, 1980.

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

melangkah ka-masa depan

DENGAN SIKAP SEDERHANA DAN TELITI TETAPI CHEKAL

TAHUN 1980 pun berakhir. Dan alhamdulillah — pada keseluruhan-nya, hari2 di-dalam-nya terus menerus menyaksikan betapa kita telah di-rahmati oleh Allah dengan kehidupan aman dan ma'amor. Dengan sebab itu pula kita telah dapat meneruskan usaha2 membangun dan memajukan negeri ini di-berbagai2 bidang keperluan-nya.

Tentu-lah semua pehak di-negeri ini telah memberikan sumbangan-nya pada mengketarakan suasana hidup aman-ma'amor itu. Dan dengan di-tambah lagi oleh kesedaran semua pehak terhadap kepentingan masa depan bersama, maka ada-lah di-yakini kita di-negeri ini akan sa-makin membulatkan tekad serta mengukuhkan azam dalam menempoh dan menghadapi chabaran2 masa depan.

Memang dapat di-jangkakan chabaran2 masa depan itu akan lebih menguji kecekalan kita. Sa-bahagian besar-nya ia-lah isu2 kemasyarakatan dan ke-negaraan sangat memerlukan semua pehak untuk terus menerus berfikir serta mengutamakan kepentingan negara dan keturunan kita. Dan hal itu sa-sungguh-nya mematuhi kita untuk mengambil sikap sederhana dan teliti.

Kesederhanaan dan ketelitian itu telah pun menjadi sikap Kerajaan kita dalam meneroka bidang2 baharu di-samping mengembangkan bidang2 yang sedia ada. Raayat dan penduduk pula sa-makin meyakini sikap tersebut sa-bagai berpatutan dan bijak. Dan dengan keyakinan itu — serta juga dengan semua pehak akan terus menerus mengamalkan sikap sederhana dan teliti — maka kita dapat-lah menaruh harapan akan kechemerlangan masa depan semua.

Jika dalam dua tahun kebelakangan perhatian telah di-berikan kepada kemerdekaan yang akan di-chapai sa-mula, maka dalam tiga tahun menjelang 1983, perhatian yang serupa insha Allah, akan sa-makin ketara. Di-sini-lah lagi kecekalan dan keyakinan kita akan di-uji. Aspirasi kemerdekaan itu sentiasa menghendaki semua pehak untuk memastikan penchapaian-nya dengan lichen serta pengisian-nya nanti dengan sempurna. Apa yang di-lakukan dan akan terus di-lakukan dalam tahun2 menjelang kemerdekaan ini pasti-lah sa-bahagian besar-nya akan menchorakkan-nya. Di-dalam-nya tentu-lah kita semua menaruh harapan terhadap kepentingan jangka panjang bersama.

Asas2 kepentingan bersama dalam jangka panjang itu sudah pun ketara lunas2-nya di-mana kita mempunyai kesedaran dan semangat bernegara yang beraja, beragama dan beradat istiadat. Pengukohan kenegaraan kita terbokti menghendaki tiga unsur ini terus menerus di-fahami dengan sa-baik2-nya dalam kontek keperluan2 masa depan. Dan kerana itu-lah usaha pada meresap serta menjelmakan-nya sa-bagai lunas identity masa depan itu akan sentiasa sa-iringan dengan pemahaman-nya yang tepat serta pelaksanaan-nya yang meyakinkan.

Tentu-lah semua pehak akan menghadapi chabaran masa depan. Dan insha Allah, kita akan terus melangkah ka-masa depan itu dengan sikap sederhana dan teliti tetapi chekal.

**Menurut hemat Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan.**

PERANAN PENULIS DALAM MENGETARAKAN REALITI BANGSA MERDEKA

*DARI ucapan merasmikan Hari Perkampungan
Sastera '80, di-Dewan Kuliah Bangunan Peringat-
an Churchill di-Bandar Seri Begawan pada hari
Khamis 25hb Disember, 1980.*

SAYA dengan ikhlas sukacita mengucapkan terima kasih di-atas penghormatan untuk bersama2 dalam acara ini. Mudah-mudahan dengan niat kita yang baik akan berkesudahan pula dengan keberkatan serta rahmat daripada Allah membukakan terus menerus hati nurani kita kepada sinar chahaya keimanan dalam segala amal perbuatan.

Saya mendapat faham, 'Perkampungan Sastera '80' ini bertujuan mengeratkan tali silaturrahim penulis2 di-wilayah sebelah sini di-samping bertukar2 fikiran dan idea mengenai kesusasteraan. Maka tentu-lah dapat di-jangkakan peserta2-nya akan menumpukan minat serta perhatian kepada aspek2 kegiatan bersastera dan termasuklah matalamat tujuan bersastera itu.

Memang tidak harus lagi di-pertikaikan kepentingan sastera bagi sa-suatu bangsa. Sa-bahagian besar-nya sudah pun di-rumuskan bahawa sa-suatu hasil sastera itu dapat mencerminkan budi-bicara bangsa dalam segala chita-rasa kehidupan-nya. Begitu pun, keupayaan mencerminkan budi-bicara bangsa dalam chita-rasa kehidupan itu-lah yang akan tidak putus2 menchabar penulis2 yang bergiat dalam sastera.

NILAI SENI

Telah di-ma'alomi bahawa kesusasteraan Melayu telah melalui tahap2 perkembangan-nya sa-iring dengan tahap2 sejarah bangsa. Yang jelas dan penting ia-lah hasil kesusasteraan kita zaman ini mempunyai 'audience'-nya yang ramai berbanding dengan hasil kesusasteraan zaman lampau. Jika pada zaman lampau itu sasterawan2 kita mampu menghasilkan karya sastera yang baik meski pun 'audience'-nya terbatas oleh keadaan2 yang sa-memang-nya tidak sa-luas dan sa-mudah keadaan di-zaman sekarang, maka tentu-lah apa yang di-sebut 'kebaikan' karya mereka itu kerana ia mengandungi nilai seni yang murni — bukan sa-takat dalam style atau gaya pengucapan-nya malah juga dalam kehalusan idea pemikiran di-dalam-nya. Tidak-lah perlu saya mengemukakan chontoh2 karya sa-demikian itu sebab tuan2 dan puan2 tentu sedia mema'alomi-nya.

Apa yang perlu rasanya saya tekankan dalam kesempatan ini ia-lah perihal keupayaan sasterawan zaman lampau itu menghemat-hemati sa-suatu

yang patut di-beri perhatian utama dalam penulisan dan kemudian mengetengahkan-nya dengan bahasa yang indah bersopan tetapi maseh tajam menepati maksud-nya. Saya kira ini-lah yang kita 'kaunjara' pada zaman ini sekali pun tidak di-nafikan

" kepinchangan sosial saperti mak-siat seks, kemiskinan, penyalah-gunaan harta kekayaan, kuasa dan darjat, kesombongan sosial (social snobbery) di-sasterakan sa-chara meluas dengan berbagai sifat penulisan yang keterlaluan dan melulu. . . . "

ketokohan dan keunggulan beberapa orang sasterawan kita sekarang.

Mungkin perkara menghemat-hemati yang saya maksudkan itu sama sebutan-nya dengan sebutan tuan2 dan puan2 sa-bagai kebijaksanaan memilih tema persoalan dan chara pengucapan atau penyampaian. Hal sa-demikian itu sa-benar-nya — saperti yang saya di-fahamkan, telah kerap di-perhati dan di-binchangkan dalam kegiatan bersastera sekarang. Dan jika benar-lah begitu, boleh-lah saya tumpang sama mengharapakan kechemerlangan hasil sastera kita manakala penulis2 kita akan berupaya mengemukakan persoalan dengan sa-baik2 penghematan yang teliti dan mengetengahkan-nya dengan gaya pengucapan yang indah bersopan tapi maseh tajam menepati maksud-nya. Ada-lah malang bagi bangsa kita manakala kegiatan bersastera itu chuma berupaya menambahkan bilangan karya tanpa menghiraukan nilai2 seni-nya dan tanpa mendasarkan-nya kepada sa-suatu matalamat penulisan yang murni.

MURNI

Dalam pada itu, jika erti-kata 'matalamat penulisan yang murni' itu akan di-pertikaikan maka saya per-chaya pertikaian mengenai-nya dapat di-selesaikan dengan masing2 penulis kita merujuk kepada 'commitment' diri-nya yang wajib di-tonjolkan sa-bagai sa-orang muslim. Sebab, dari sudut 'commitment' sa-bagai sa-orang muslim

itu-lah penulis yang juga individu dalam masyarakat akan melihat serta meneliti sa-tiap persoalan dalam masyarakat-nya dan

menghuraikan-nya atau pun sa-takat mengemukakan-nya dalam tulisan2-nya berdasarkan nilai2 kebenaran dan keadilan yang benar2 hak; dengan berdasarkan pertimbangan2 bijaksana yang benar2 saksama — ia-itu hak dan saksama terhadap Tuhan-nya, diri-nya dan diri orang lain.

KEMANUSIAAN

Dalam hubungan yang munasabah ini saya tidak-lah bermaksud lebih jauh sa-lain dari sa-kadar menyatakan keyakinan peribadi bahawa diri kita ini ada-lah tetap tidak berubah sa-bagai manusia dan hamba Allah. Apa jua kekusutan atau kepinchangan dan sa-bagai-nya yang kita lihat dan alami sa-patut-nya tidak sampai mengelirukan kita dari menghemat-hemati-nya sa-bagai kelemahan2 manusia. Dalam pada itu, mengapa pula kita sa-patut-nya terus menerus melihat diri kita itu dari aspek2-nya yang kusut dan pinchang, pada hal kita manusia dengan segala kemanusiaan kita ada-lah juga sa-benar-nya sa-mulia2 makhluk Allah?

Dari situ-lah, saya kira penting-nya kita orang Islam samada sa-bagai penulis atau apa saja, menchari huraian dan penyelesaian kemanusiaan kita dengan merujuk kepada 'commitment' kita sa-bagai orang Islam yang di-rangkaikan ka-dalam ucapan pengakuan sa-waktu bersembahyang:

Yakni: Sa-sungguh-nya, sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, -



**Y.B. Pehin Orang Kaya Laila
Wijaya Dato Seri Setia Awang
Haji Abdul Aziz.**

hanya kerana Allah jua!

Apabila sa-demikian itu kita merujuk — dan apabila itu yang menjadi rujukan penulis2 maka tidak-lah sa-patut-nya mereka akan mensiasikan diri-nya dan segala amal-nya termasuklah kepanchangan menulis itu untuk sa-suatu tujuan yang tidak membantu orang lain menghayati kemanusiaan dengan sa-murni2-nya yang mungkin.

Sa-benar-nya, tanggapan saya ini boleh-lah tuan2 dan puan2 seloki dan hubungkan dengan sa-tengah2 fenomena dalam kesusasteraan kita. Apabila penulis chuma menuliskan sa-suatu dengan melihat atau menghemat-hemati persoalan-nya dari sudut diri-nya sa-bagai penulis yang 'commitment'-nya sa-mata2 kepada berbagai2 semboyan dan teori kesusasteraan, maka dapat di-jangkakan ia akan chuma mampu membuat melulu. Dan kalau di-tambah lagi dengan pandangan-nya yang keliru terhadap kemanusiaan manusia maka pasti-lah karya-nya akan terlepas dari sifat2 melulu itu sa-indah mana pun bahasa dan gaya pengucapan-nya.

Kepinchangan2 sosial saperti kegiatan mak-siat seks; kemiskinan yang di-abaikan, penyalah-gunaan harta kekayaan, kuasa dan darjat; kesombongan sosial (social snobbery); dan sa-bagai-nya lagi telah

Lihat muka 3

Dari muka 2

mendapat tempat untuk di-sasterakan sa-chara meluas dengan sifat2 penulisan yang keterlaluan dan melulu. Hasilnya apa? Yang jelas dan menonjol ialah: pembacha2 hasil sastera sa-demikian itu kelihatan-sa-makin dirangsangi oleh pendedahan maksiat seks, di-rangsangi untuk membenchi sa-sama manusia — batang tubohnya atau golongan-sa, bukan keburokan perbuatan-sa—dan sa-bahagian-sa-makin mempertajam perasangka2 bahawa kejahatan dan kesombongan itu ia-lah chiri2 khusus sa-suatu golongan semen-tara golongan lain tetap 'innocent'. Apa-kah itu suatu kebenaran dan keadilan yang benar2 hak?; suatu kebijaksanaan yang betul2 saksama? Tuan2 dan puan2 tentu mampu menjawab-nya.

Bagaimana pun hendaklah tidak pula kita lupa bahawa persoalan kepindahan sosial yang di-sasterakan sa-begitu melulu chuma sa-baha-

Penulis...

"dalam mengetarakan realiti bangsa merdeka"

gian aspek yang negatif dalam kemanusiaan manusia. Sementara aspek2 yang positif sa-patut-nya juga sentiasa mendapat perhatian dan sa-wajar-nya di-timbulkan sa-bagai unsur yang akan menambahkan keghairahan sa-seorang pada memelihara serta mempertahankan ketinggian taraf kemanusiaan-sa-laku hamba Allah yang di-takdirkan berfungsi memakmurkan dunia. Kerana itu kita punya alasan kuat, bahkan sa-benar-nya bertanggong-jawab untuk tidak merangsangi apa jua yang merendahkan taraf dan memudharatkan kepentingan kemanusiaan kita.

Mengenai dengan kemerdekaan yang akan di-chapai dengan izin Allah tidak lama lagi itu, saya perchaya penulis2 kita ia-lah sa-bahagian di-antara orang2 yang 'concern' terhadapnya. Sa-lama ini terdapat tulisan2 mereka yang memuatkan rasa hati ingin merdeka dan rasa hati ingin berdaulat—yang pada umom-nya ada-lah memandang peri mustahak-nya menjadi bangsa-sa yang bermaruah di-tanah ayer sendiri. Al-hamduillah, chita rasa sa-demikian sa-bahagian-nya telah menjadi realiti dan insha Allah dengan penchapaian kemerdekaan itu



SASTERAWAN dan sasterawani tanah ayer, dan dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di-majlis pembukaan rasmi 'Perkampong Sastera '80' di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill, Khamis lepas.

nanti ia akan menjadi lebeh ketara. Dalam pada itu, saperti juga lain2 orang di-negeri ini, penulis2 tentu-lah mempunyai peranan mengisi dan mengokohkan kemerdekaan itu, dan mereka sa-benar-nya mampu untuk di-harapkan memberikan sumbangan yang berkesan ka-arrah mengetarakan realiti bangsa merdeka itu dengan merangsangi orang ramai pada menchapai kemerdekaan itu dengan sa-baik-nya dan mengechap nekmatnya dengan sa-manis2-nya. Peranan sa-demikian sa-makin lebeh perlu lagi apabila penulis2 kita merujuk 'commitment' masing2 sa-bagai individu Islam di-mana mereka sa-patut-nya melihat dan memahamkan kemerdekaan itu lebeh merupakan suatu amanah dan tanggong-jawab untuk tujuan2 murni bernegara sa-bagai hamba Allah: Ini memerlukan mereka lebeh teliti dan lebeh bijaksana pada memilih thema2 persoalan mengenai aspirasi kemerdekaan supaya jangan sampai mengelirukan 'audience' mereka atau pun membawa orang ramai berfahaman negatif terhadap aspirasi kemerdekaan dan pengisian-nya nanti.

Mustahak benar-lah penulis2 kita lebeh teliti dan bijaksana dalam berperanan sa-demikian itu. Keupayaan untuk lebeh teliti sa-patut-nya akan membezakan mereka dari penulis2 asing yang menulis apa saja mengenai diri kita dan negeri ini sa-telah datang singgah beberapa hari dan bertemu serta melihat sa-imbas lalu dengan raa-yat lalu tulisan2 mereka di-anggap authoritatif oleh kebanyakan orang. Tulisan orang luar mengenai negeri ini tentu tidak sa-patut-nya demikian kalau mereka dapat menyelok-mendalami ka-lubok hati nurani kita. Dan saya berharap penulis2 kita 'sambat malamari' dan 'berbasah karing' di-tanah ayer-nya sa-mesti-nya tidak akan sa-demikian, kechualih-lah kalau juga mereka tidak dapat menghayati budi bichara mashaarakat bangsa-nya dalam chita rasa kehidupan-nya.

Sa-sunggoh-nya-lah kegiatan bersastera itu suatu

kepandaian anugerah Allah s.w.t. Apa jua anugerah Allah, sa-benar-nya ia diberikan berserta dengan mengamanahkan tanggong-jawab mempergunakan-nya dengan sa-baik2-nya. Sempurna dan sejahtera-lah dunia akhirat kita andai-nya kita tidak mensia-siakan anugerah dan tanggong-jawab itu.

Dan mudah-mudahanlah ka-arrah itu kita sekalian mematalamatkan tujuan, dan ka-arrah itu-lah

hendak-nya kita merangsangi budi-bichara bangsa dalam segala chita-harap kehidupan-nya.

Selain dari itu, tapi tidak kurang penting-nya saya dengan penoh ikhlas dan sukachita mengalu2kan penyataan awang2 dan dayang2 yang berpayah2 datang dari Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Semoga kehadiran mereka semua akan di-terima Allah s.w.t. sa-bagai amalan yang berkebahjikan.

Melalui penulisan untuk pembangunan negara

mesti-lah bersifat asli, jujur, benar, seni yang memhermin dan memperkata, mempersoalkan perkara2, bahan2 yang berdasarkan kenyataan yang dalam kata lain "bertapak di-bumi yang nyata dan tidak meminjam2," jelas Awang Sumadi.

Dalam pada itu katanya, sa-bagai satu chabang seni, sa-tiap karya sastera yang di-hiasi dengan bahasa, yang sa-memang-nya mempunyai daya penyampai yang benar2 dapat meragut nurani serta fikiran seseorang hendak-lah mempunyai nilai2 yang membena bukan menjadi rachun bagi fikiran seseorang.

Menurut Awang Sumadi dalam menghasilkan sesuatu karya sa-tiap penulis memang berhadapan dengan berbagai kerumitan. Tapi kata-nya, dalam pada itu mereka harus sentiasa tabah dan jelas-nya satu2 karya yang seni dan kreatif lagi agong bukan-lah merupakan satu pekerjaan yang senang untuk di-lakukan. "Ia-nya amat rumit, payah lagi merbahaya."

Kata-nya lagi, memang dalam menggerakkan mashaarakat-nya untuk memahami hakikat pembangunan sa-seorang sasterawan agong sering menitiskan ayermata, menitiskan peloh, mengembeleng tenaga, mengadai harta benda, meninggalkan keluarga dan yang lebeh ekstrim lagi mengadai nyawa.

Tapi tambah-nya, jelas

melalui karya penulis walau ia-nya berupa sapotong sajak, sa-perenggan essei atau sa-babak cherita.... kalau sekiranya bernilai neschaya akan menchetuskan inspirasi.

Bagaimana pun untuk menjadikan sa-tiap karya supaya dapat di-jadikan sa-bagai sumber atau daya penggerak, Awang Sumadi menyarankan agar ia-nya di-runding, di-kupas dan di-bahas agar sa-tiap isi-nya dapat di-mengertikan dan dapat memberi faedah.

Jadual ayer pasang-surut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Laut memumomkan yang jadual ayer pasang dan surut bagi perayaan2 Malaysia, Singapura dan Brunei bagi tahun 1981 sekarang telah pun sedia untuk di-edarkan.

Jadual yang berharga \$9.00 sa-naskah itu boleh di-dapati dari pejabat2 Jabatan Laut di-Bangunan Kastam, Jalan MacArthur di-sini dan Bangunan Kastam, Jalan Sungai di-Kuala Belait.

Untuk pembeli jadual tersebut mereka juga akan di-berikan satu terbitan komputer yang menunjukan ramalan tinggi ayer pasang surut di-Pelabuhan Muara pada sa-tiap jam yang di-jangka akan di-keluarkan dalam bulan depan.

Orang2 Tiong Hwa dan bukan Melayu di-gesa:

Kuasai Bahasa Melayu bahasa rasmi negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang2 Tiong Hwa dan bukan Melayu yang lain di-negeri ini telah di-gesa supaya melaksanakan usaha2 yang positif untuk menguasai Bahasa Melayu.

Ini bukan saja di-sebabkan Bahasa itu menjadi Bahasa Rasmi Negara, akan tetapi juga ada-lah bahasa yang majoriti terpakai di-negeri ini di-samping merupakan identiti penting bagi negara.

Gesaan dan saranan ini telah di-buat oleh Yang Berhormat dari Tutong, Awang Chong Seng Toh dalam ucapan penanggohan-nya di-sidang Majlis Mashuarat Negeri yang berakhir pada hari Rabu lepas.

Yang Berhormat itu menegaskan, sa-bagai orang2 yang turut sama berlindung di-bawah Panji-Panji Brunei, maka mashaarakat Tiong Hwa terutama-nya dan juga bangsa2 yang lain ada-lah patut benar menyedari hakikat itu dan mengambil langkah2 yang lebeh berkesan supaya sa-tiap orang2 yang bukan Melayu di-negeri ini dapat menutorkan bahasa itu dengan faseh dan menggunakan-nya sa-bagai bahasa perhubungan.

Yang Berhormat itu berharap kepada bangsa Tiong Hwa khusus-nya dan bangsa2 asing yang lain yang turut berlindung

di-negeri ini supaya akan memberikan perhatian yang berat terhadap bahasa rasmi negeri ini (Bahasa Melayu). "Sa-bagai penduduk negeri ini, mereka hendak-lah menjadikan perkara itu sa-bagai penting di-pelajari dengan bersungguh-sungguh," jelas beliau.

Kata beliau lagi, "Kalau penduduk-penduduk bukan Melayu di-negeri2 Melayu yang lain boleh menguasai bahasa rasmi negara dengan baik, maka tidak ada sebab mengapa orang2 Tiong Hwa di-negeri ini tidak boleh berbuat demikian."

Jika mereka benar2 taat kepada Brunei, tambah-nya, maka mereka patut-lah melengkapkan diri sa-bagai orang2 Brunei juga.

"Kerajaan telah banyak memberikan kemudahan untuk menguasai Bahasa Melayu itu, dan kalau mereka mengabaikan kemudahan2 itu berarti yang mereka itu tidak patoh kepada negara," jelas-nya lagi.

Yang Berhormat Awang Chong Seng Toh menyeru orang2 Tiong Hwa di-negeri ini supaya benar2 menyedari akan hakikat ini dan bukan semata-mata mendapatkan sijil2 ke-raayaan, tetapi juga melaksanakan tugas2 serta tanggong-jawab sa-bagai rayat Brunei yang jujur lagi ikhlas.



Awang Sumadi.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para penulis tanah ayer telah di-seru agar mempergiatkan lagi peranan mereka selaku penulis yang boleh mengajak mashaarakat-nya berfikir sa-chara membena melalui bidang2 penulisan mereka demi untuk pembangunan negara.

Ini telah di-tekanakan oleh Awang Sumadi Sukaimi selaku ketua Satu Persatuan Asterawani di-pembukaan rasmi Perkampong Sastera yang di-anjorkan oleh persatuan tersebut bertempat di-Bilik Kuliah Tugu Peringatan Churchill di-sini Khamis lalu.

Perkampong yang berthématique 'Sastera Dan Pembangunan Negara' pada kali ini telah di-buka rasmi oleh Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan telah di-hadhiri oleh para sasterawan dari negara jiran yang termasuk Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Untuk menchapai maksud bagi menjadikan bidang sastera selaku media penggerak ka-arrah kemajuan sudah semesti-nya lah ia-nya mengandungi unsur2 yang boleh di-per-tanggong-jawabkan. "Ia

Pertumbuhan TADIKA: SESUAI DENGAN DASAR PELAJARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertumbuhan kelas2 taman asohan kanak2 yang di-kendalikan sa-chara persendirian sama ada oleh orang perseorangan atau persatuan2 kebajikan memang sesuai dengan dasar pelajaran negeri ini seperti terkandung dalam Shor2 Suroh-anjaya Pelajaran tahun 1972.

Ini telah di-tegaskan oleh bekas Penolong Penguasa Pelajaran Rendah yang telah bersara, Awang Haji Mohd Sum bin Hashim ketika berucap di-majlis penutup dan penyampaian sijil2 Taman Asohan Pertiwi di-Pusat Belia yang baru lalu.

Menurut laporan suroh-anjaya tersebut kata-nya, sa-tiap kanak2 yang akan meningkat berhak mendapat pelajaran asas di-sekolah2 rendah dan menengah kerajaan di-negeri ini. Mereka juga berpeluang melanjutkan ka-perangkat universiti di-seberang laut dengan sharat2 dan kelayakan2 yang di-perlukan oleh pusat2 pengajian tinggi berkenaan.

Tujuan

Menyentuh penubuhan TADIKA Pertiwi beliau berkata, ia-nya bertujuan bagi melateh, mendidik dan menanamkan perasaan bermasyarakat yang berperatoran sa-masa usia kanak2 itu maseh senang di-lentur.

Di-samping itu tambah-nya, taman asohan juga

Oleh: JAHRI LATIF

berperanan mengajarkan pengetahuan sivik, pelajaran agama dan membantu pembedaan watak dan peribadi kanak2 supaya mereka memileki kemahiran2 yang mendorong semangat ingin tahu dan ingin menchuba yang terbit dari pelajaran2 melalui saloran2 permainan, nyan-nyian, tarian dan lakunan.

Hasil dari pada itu, kata-nya lagi, beransor2 menyediakan asas pelajaran menulis, membaca dan mengira yang di-kenal dengan 3M.

Dalam konteks ini, disiplin merupakan aspek penting pendidikan yang tidak boleh di-pisahkan dari fungsi persekolahan.

Sebab tempat utama membena dan melateh disiplin yang baik ia-lah sekolah atau taman asohan, jelas Awang Haji Mohd Sum.

Ujud-nya TADIKA

Terdahulu dari itu, Pengerusi PERTIWI, Datin Hajjah Jusnani binte Haji Lawie dalam kata alu2-an-nya telah menimbulkan dua faktor wujud-nya taman2 asohan dewasa ini. Pertama kesedaran akan perubahan zaman dan tumbuh-nya kelas2 tadika kerajaan menyebabkan kanak2 berusia enam tahun baharu boleh masuk

darjah satu.

Kedua kerana kepen-tingan atau 'emphasis' yang mengutamakan pengetahuan bahasa Inggeris dewasa ini menyebabkan bertambah-nya penghantaran kanak2 yang baru meningkat usia dua hingga lima tahun ka-tadika persendirian.

Temasha tersebut juga telah di-meriahkan dengan berbagai achara sokan kechil yang di-ambil bahagian oleh kanak2 taman asohan PERTIWI.

Antara yang menyaksikan temasha pada hari itu termasuklah ibu2-bapa dan penjaga kanak2 PERTIWI. Doa selamat telah di-sampaikan oleh Awang Haji Abdul Hamid bin Yaakub.



KELIHATAN Awang Haji Mohd Sum sedang menyampaikan sijil pelajaran TADIKA kepada salah sa-orang kanak2 Taman Asohan Pertiwi, minggu lalu, di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.



PERMAINAN juga memainkan peranan penting dalam membena fizikal dan mental kanak2. Sebab itu achara sokan tidak ketinggalan dalam temasha penutup TADIKA Pertiwi.

JADUAL MENYIMBOR DDT BAGI BULAN JANUARI 1981

DAERAH TEMBURONG

Kampung	Tarikh
Senukok	5.1.81
Piasau2	6.1.81
Lepong Lama, Lepong Baru, Kenua	7.1.81
Temada dan Semabat	8.1.81
Bukok dan Rataie	10.1.81
Belaie dan Buda2	12.1.81
Sembatang, Bekarut, Meniup	13.1.81
Batang Duri, Sibut	14.1.81
Amo A dan A, Sumbiling Lama, dan Baru	15.1.81
Batu Apoi	17.1.81
Ulu Biang dan Biang Tengah	20.1.81
Labu Estate	21.1.81
Puni Ujong Jalan	22.1.81
Parit Temburong	24.1.81
Sungai Radang Sibatang	26.1.81

Pembacha2 meter letrik di-ingatkan:

RUBAH SIKAP SENDIRI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kunchi pembuka masalaah2 yang selalu di-hadapi sa-masa menjalankan tugas ia-lah merubah sikap diri sendiri. Jangan menunggu orang lain merubah, tetapi kita sendiri mesti mendahului perubahan itu.

Ingatan ini telah di-tegaskan oleh Ketua Unit Latehan Pejabat Perjawatan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apeng sa-jurus sa-belum merasmikan Seminar Pertama Pembacha2 Meter Sa-Negeri yang telah di-adakan di-Bilek Perpustakaan, Pusat Belia di-ibu negeri pada hari Isnin lepas.

Kata beliau, perubahan sikap yang dimaksudkan itu ia-lah perubahan sistem bagi menyesuaikan perubahan teknologi atau yang selalu di-sebut orang mengemas-kini pengetahuan2 dengan menganjorkan seminar2 atau kursus yang boleh menambah kemahiran2 dan pengalaman2 kakitangan-nya dari sa-masa ka-semasa.

Menurut Awang Haji Abu Bakar, Jabatan Letrik merupakan jabatan yang terkehadapan di-dalam usaha2 untuk melateh kakitangan-nya, seperti seminar pertama pembacha2 meter itu boleh merubah sikap pekerja yang lebeh baik.

Kata-nya lagi, Jabatan Letrik telah mengator dan meranchangkan beberapa

kursus2 tertentu di-masa depan dan kini maseh dalam pertimbangan kerajaan.

Perjumpaan dalam seminar yang julong2 kali di-adakan itu, tambah-nya, di-samping dapat mengadakan perbinchangan2 sa-sama rakan2 sa-pejabat yang datang dari seluruh daerah malah dapat pula mengongsi masalaah2 bersama untuk mencapai penyelesaian yang baik.

Seminar singkat yang pertama di-anjorkan itu telah di-hadiri oleh kira2 80 orang pembacha meter seluruh negeri.

Sa-banyak lima buah cheramah telah di-sampaikan termasuk sa-buah cheramah yang bertajok 'Tata Tertib Sa-orang Pegawai Kerajaan' yang telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Sa-belum seminar itu berakhir satu penilaian dan soal jawab telah di-adakan bersama peserta seminar dengan Pegawai Pentadbir, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.



Awang Haji Abu Bakar.



SA-BAHAGIAN peserta seminar yang datang dari seluruh daerah negeri ini kelihatan sedang mendengar cheramah di-seminar tersebut.



AWG. MAHMUD HJ. BAKYR

TABI'AT MEMINTA TANPA USAHA SENDIRI PATUT DI-HAPUSKAN

KAMPONG SALANGAN

Banyak amalan negatif perlu di-hapuskan dalam menghadapi kemerdekaan Brunei dalam tahun 1983 dan satu daripada nya ada-lah tabiat meminta tanpa tindak-balas usaha sendiri, demikian di-jelaskan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, di-Kampung Salangan, Temburong pada 9hb. Disember, 1980 yang lalu.

Pendapat itu di-utarakan oleh beliau sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Sharikat Kedai Kerjasama Kampung Salangan bertempat di-Masjid Kampung Salangan pada jam 8.30 malam. Sharikat Kerjasama yang di-daftarkan pada 6hb. Mach, 1978 itu telah menggariskan antara lain tujuan nya di-tubuhkan untuk membekalkan barang-barang keperluan ahli-ahli nya.

Gerakan kerjasama menekankan semangat self-reliance dan self-help untuk mengatasi masalah bersama atas dasar kerjasama sukarela sa-sama ahli. Amalan meminta tanpa usaha sendiri ada-

lah bertentangan dengan semangat gerakan kerjasama, jelas Awang Mahmud.

Matalamat

"Mashuarat ini di-adakan di-rumah suci ia-itu masjid. Dan masjid ini dibena di-atas sa-bidang tanah yang di-wakafkan. Wakaf erti nya penyerahan sukarela untuk kepentingan umum atau bersama. Saya perchaya sharikat kerjasama ini akan mencapai matalamat nya di-tubuhkan kerana asas kerjasama itu sudah nampak dengan tanah yang di-wakafkan untuk pembinaan masjid ini," jelas beliau.

Awang Mahmud seterusnya menimbulkan masalah sharikat2 kerjasama di-daerah itu yang lambat mengambil keputusan samada untuk menjadi ahli Persatuan Sharikat2 Kerjasama Daerah Temburong atau tidak. Awang Mahmud berpendapat, "Dalam penghidupan amalan melengah-lengahkan mengambil sa-satu keputusan terhadap sa-satu perkara ada-lah merugikan. Tindakan ti-

dak mengambil sa-satu keputusan terhadap sa-satu masalah akan menimbulkan pula masalah baru yang akhir nya penghidupan itu bertimibun dengan masalah."

Masa depan

"Ambil keputusan positif samada mau menjadi ahli atau tidak untuk membolehkan Jabatan Kemajuan Kerjasama menentukan masa depan Persatuan Sharikat2 Kerjasama Daerah Temburong itu. Kalau menyimpan wang akan menghasilkan interest yang menguntungkan tetapi menyimpan masalah akan menghasilkan interest yang merugikan," tegas Awang Mahmud.

Awang Mahmud juga berseru kepada semua Ketua2 Kampung di-daerah itu untuk menggunakan jasa baik mereka menggalakkan anak2 kampung melibatan diri dalam sharikat2 kerjasama.

"Sa-bagai mata dan telinga Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, Ketua2 Kampung dapat memainkan peranan penting untuk menjayakan hasrat di-sa-balek penguat-kuasaan

Undang2 Sharikat Kerjasama, 1975 itu."

Kerjasama nelayan

Pemangku Pesuruhjaya itu telah juga merasmikan Mashuarat Agong kali ke-3 Sharikat Kerjasama Nelayan Kampung Pulau Baru-Baru pada hari Ahad 14hb. Disember, 1980 yang lalu bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Kampung Pulau Baru-Baru. Sharikat Kerjasama Nelayan tersebut telah di-daftarkan pada 21hb. Mach, 1977 dan di-antara tujuan nya di-tubuhkan ada-lah untuk memperbaiki keadaan ekonomi ahli2 nya.

Sa-belum Sharikat Kerjasama itu di-tubuhkan, majoriti nelayan di-pulau itu ada-lah terikat kepada orang tengah dalam pemasaran serta pembelian alat2 menangkap ikan. Sharikat telah dapat melepaskan mereka daripada orang tengah dengan pinjaman kewangan sa-jumlah 40 ribu ringgit daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi pada penghujung tahun 1978.

Pada Tahun Kewangan Sharikat yang berakhir pada bulan Februari,

1980, Sharikat Kerjasama itu telah memperolehi untung bersih sa-jumlah lebeh 4 ribu ringgit hasil pemasaran tangkapan udang sahaja. Pemangku Pesuruhjaya menasihatkan supaya pemasaran itu diperbesarkan kepada tangkapan ikan untuk menambah pendapatan sharikat.

"Masalah sharikat ini bukan pada saloran pemasaran nya tetapi pada ketsetiaan sa-bilangan ahli yang melambat-lambatkan pembayaran hutang mereka kepada sharikat,

Hutang itu ada-lah diperolehi daripada Kerajaan, dan kalau ahli2 melambat-lambatkan pembayaran nya, keuntungan sharikat akan terjejas," tegas Awang Mahmud.

Awang Mahmud menasihatkan kepada ahli2 yang berhutang supaya melakukan bayaran bulanan mereka sa-chara tetap supaya pusingan kewangan sharikat tidak terganggu dan sharikat dapat meluaskan perniagaan nya demi kepentingan bersama.

Terima hadiah pelajaran terbaik



GAMBAR atas salah sa-orang dari penuntut terbaik dalam bahagian pelajaran sedang menerima hadiah dari Ustaz Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashor.

JALAN MUARA. — Satu Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Terbaik tahun 1980 bagi pelajar Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara, telah berlangsung di-Dewan maktab tersebut pada 20hb Disember lalu.

Majlis pada hari itu telah di-muatkan dengan satu ucapan khas oleh Pegawai Ugama Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Ustaz Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashor. Terdahulu dari itu, Pemangku Pengetua, Dayang Jahrah bte Mohammad, telah menyampaikan ucapan alu2an.

Di-samping menyampaikan hadiah kepada 15 orang pelajar terbaik, majlis itu juga mengandungi acara penyampaian hadiah kepada pelajar terbaik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Singapura Peringkat Biasa dan Sijil Rendah Pelajaran Brunei bagi tahun 1979, serta penyampaian hadiah dalam bahagian kegiatan dan penghargaan.

Majlis tersebut, kemudian nya, di-serikan dengan persembahan beberapa buah lagu daripada Pancharam Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains.

Ia nya di-hadiri bersama oleh ibu-bapa penuntut2, Pengetua, Guru2 dan penuntut2 maktab itu sendiri.

Lagi beberapa orang anggota AMDB ikuti berbagai kursus di-UK. dan HK.

BERAKAS. — Beberapa orang lagi anggota dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan meninggalkan Brunei bulan Januari 1981, bagi menjalani berbagai kursus di-United Kingdom dan Hongkong untuk menambatkan lagi kemahiran dan kecekapan mereka dalam bidang ketenteraan.

96 Lt. Ahmad bin Md. Said dari Angkatan Laut akan berlepas ka-United Kingdom esok, 1hb. Januari, bagi menghadiri kursus S/48 International Patrol Craft Warfare selama tiga bulan di-Sekolah Maritime Operation, Hampshire.

Sementara itu, dua orang lagi anggota pasokan tersebut, 4106 Cpl Pg. Metali bin Pg. Mohd. Salleh dari RHQ Kompeni dan 5308 Cpl Amzah bin A. Rahman dari Battalion Pertama akan berlepas ka-United Kingdom pada 2hb. Januari untuk men-

jalani kursus No. 66 Regimental Signaller STD 1 di-Chawangan Semboyan, The School of Infantry, Wiltshire.

Kursus bagi kedua2 anggota tersebut akan bermula pada 4hb. Januari dan akan berakhir pada 27hb. Februari, 1981.

4312 Ismail bin Abd. Rahman dari Pusat Latihan juga akan berlepas ka-tempat yang sama pada 3hb. Januari depan bagi menjalani kursus No. 37 Infantry NCO SAA Instructor selama dua bulan, bertempat di-The Small Arm Wing, The School of Infantry, Wiltshire. Juga pada hari yang sama 97 Lt Mohd. Ali bin Yahya dari Battalion Pertama, akan meninggalkan Brunei menuju ka-United Kingdom untuk mengikuti Kursus No. 18 Platoon Commanders, bertempat di-Officers Wing, The School of Infantry.

Kedua2 nya akan memulakan kursus masing2 pada 5hb. Januari, 1981.

Sa-lain dari itu, sa-orang pegawai Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, 12 Major Pehin Dato Hj. Hussin bin Hj. Sulaiman, dari RHQ Kompeni, akan berlepas ka-United Kingdom pada 5hb. Januari bagi menghadiri empat kursus yang berasingan, selama kira2 sembilan bulan.

Major Pehin Dato Haji Hussin akan menghadiri kursus No. 99 Paymasters di-Officers Mess RAPC Training Centre, Hampshire, dan tiga kursus penempatan MOD-M3 (Records) and F9(A) di-Ministry of Defence, London, kursus penempatan REME AND ROAC MROS di-REME and ROAC Manning & Record Office, Leicester dan RA and Infantry MROS YORK di-Royal Artillery and Infantry Manning and

Records Office, York.

Sementara itu, 8/61 Landing Craft Officers Qualifying Course akan di-hadiri oleh 116 Lt Ak Rambli bin Pg. Bunut dari Angkatan Laut.

Ak. Rambli akan berlepas ka-United Kingdom pada 5hb. Januari depan bagi memulakan kursus tersebut pada 8hb. Januari. Selama berkursus dia akan ditempatkan di-Royal Marines Poole, Dorset.

Anggota dari Battalion Kedua, WO2 (Pipe Major) AS Cross, 3922 Sgt Rahman bin Awg. Damit dan 5405 Local Sgt Latif bin Karim akan mengikuti kursus penempatan I QO HLDERS selama sa-minggu bermula pada 6hb. Januari, 1981 di-Battalion Pertama Queens Own Highlanders, Hongkong.

Mereka akan berlepas ka-Hongkong pada hari Selasa, 6hb. Januari

"SWEET CHARITY" DLM COMBO RTB

KUMPOLAN penyanyi terkenal 'Sweet Charity' ada-lah di-antara kumpulan muzik yang paling 'top' di-Singapura masa ini.

Kumpulan ini baru2 ini berada di-Brunei untuk membuat satu pertunjukan pentas di-Dewan Raya RTB.

Dan pada hari Ahad 28hb Disember lepas mereka telah di-undang untuk mengisi rancangan hiburan Combo RTB. (Kelihatan dalam gambar kumpulan tersebut sedang membuat rakaman di-studio RTB).



THE JACKSONS



SATU keluarga yang berbakat dan sekarang merupakan kumpulan penyanyi yang termashor sa-bagai "The Jackson". Persembahan2 mereka dapat di-saksikan pada tiap2 hari Selasa jam 6.30 petang.

RANCHANGAN TVP DARI 5HB HINGGA 11HB JANUARI

ISNIN — 5HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 253

Ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.

KERJA TANGAN kali ini Che'gu Rokiah akan membuat topi. Hari ini SI-MANIS berpesan supaya anak2 berpakaian sendiri. Jangan jadi sa-orang yang pemalas. Hari ini Che'gu akan bercherita darihal Siput Dengan Kanchil.

SELASA — 6HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 254.

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERMAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, AMINAH, SERI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

Che'gu Rokiah dan anak2 naik kuda pergi ka-rumah untuk mengemaskan pakaian di-dalam almari. SERI PERMULAAN pula Che'gu Rokiah akan membacha buku darihal pakaian.

RABU — 7HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 255

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMINAH, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Masa BERCHERITA Che'gu Rokiah akan bercherita darihal sa-ekor bangau betina bernama Si-Panjang.

KHAMIS — 8HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 256.

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN MUSIK, KAJIAN SA-MULA JADI, MAIN BAKUL, MAIN BELON, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI. Ruangan KAJIAN SA-MULA JADI Che'gu Rokiah akan menunjukkan bagaimana biji benih tumbok.

JUMAAT — 9HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Ranchangan seterusnya Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 sa-

perti MAIN BAKUL, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, HALAMAN BERCHERITA, dan CHERMIN SAKTI. Hari ini Che'gu Rokiah akan bercherita darihal sa-ekor Singa yang menjadi Raja Dalam Hutan.

SABTU — 10HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 257

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN KERUSI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

AHAD — 11HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG

Di-dalam ranchangan kali ini telah di-muatkan dengan aktiviti2 seperti BERMAIN MUSIK, PAPAN HIKMAT, MAIN KERUSI, GAMBAR DAN SEBUTAN, HALAMAN BERCHERITA dan seperti biasa di-akhiri dengan CHERMIN SAKTI.

Untuk GAMBAR DAN SEBUTAN, Che'gu Rokiah akan menggunakan benda2 yang bermula dengan huruf 'N' dan 'O'. Di-HALAMAN BERCHERITA pula Che'gu Rokiah akan bercherita tentang Si-KUMBANG.

Resepi Masakan — Jambangan Udang

BAHAN2-NYA

Kulit — Pasteri berlapis

- 8 oz tepong
- 6 oz lemak pasteri
- 1 sudu teh rata garam
- 4 sudu besar ayer sejok
- 1 biji telur

Isi-nya : sambal udang

- $\frac{1}{2}$ kati udang basah
- 6 ulas bawang merah
- 3 batang lada kering-buang biji sedikit belachan
- 1 biji tomato-potong kecil2 gula dan garam sa-chukop-nya
- 1 sudu sedang minyak makan.

CHARA MEMBUAT-NYA

Sediakan pasteri :

1. Buatkan pasteri rapoh dengan menggunakan tepong dan $\frac{1}{4}$ bahagian lemak pasteri.
2. Lemak yang leleh di-potong kecil2.
3. Chanaikan pasteri ka-bentuk empat persegi bujur.
4. Atorkan $1\frac{1}{4}$ bahagian lemak di-atas $\frac{3}{4}$ bahagian pasteri, lipatkan pasteri dengan bahagian yang kosong di-tengah.
5. Pusingkan ka-kanan dan chanaikan sa-hingga menjadi empat persegi bujur.
6. Ulang dua kali lagi, kemudian di-terapkan bulat2, dan potong tengah2-nya bentuk bulat, naikan pasteri di-tengah.
7. Atorkan di-tin pembakar, sapukan dengan telur dan bakar.

Sediakan isi-nya :

1. Tumbok lada kering, bawang dan belachan.
2. Udang di-bersekan dan di-potong kecil2.
3. Panaskan minyak, tumis bahan2 yang telah di-tumbok sa-hingga garing, masukkan udang dan tomato.
4. Masukkan bahan2 perasa yang chukop, masak sa-hingga kering.
5. Sejokkan dan isikan pada pasteri2 yang telah masak.
6. Hiaskan atas-nya dengan udang goreng dan daun bawang atau daun sop.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 31HB DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 ANIMAL WORLD — "Great Ox of the North"
- 5.30 THE NEW SCHMOO
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 THE FRIENDS OF MY FRIENDS — sambongan
- 6.30 DR. WHO — "The Ribos Operation" — Ep. 4

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 DETIKAN DAN PERISTIWA
- 9.40 TAYANGAN GAMBAR TV — "Cowboy" Pelakun Glenn Ford, Jack Lemmon, Brian Donlevy, Anna Kashfi
- 11.30 KALONG 1981
Sempena menyambut tahun baru jangan lupa awda sekalian menyaksikan hiburan dan nyanyian dari penyanyi2 tempatan dan luar negeri.
- 12.00 PERUTUSAN TAHUN BARU DARI DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN, TYT PESUROHJAYA TINGGI BRITISH DAN YAB MENTERI BESAR.
- 12.11 KALONG 1981 — sambongan
- 12.35 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 1HB JAN.

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.01 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.12 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.14 PERUTUSAN TAHUN BARU DARI DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN, TYT PESUROHJAYA TINGGI BRITISH DAN YAB MENTERI BESAR — Ulangan
- 2.24 KALONG 81 (Siaran Ulangan)
- 3.24 THE BLACK ARROW ANIMATION
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 TOM AND JERRY
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 TOM AND JERRY — sambongan
- 6.30 THE TOMORROW'S PEOPLE

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- 7.15 ANITA DI-BRUNEI No. 2 (Ulangan)
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 ANITA DI-BRUNEI — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 WKRP IN CINCINNATI
- 10.00 FROM HERE TO ETERNITY
- 10.50 BILLY JOEL SPECIAL — Saksikan-lah nyanyian2 dari penyanyi terkenal Billy Joel dan artis2 jemputan yang lain.
- 11.30 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 2HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SONG BOOK
- 5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE — "Chimpates" Ep. 2
- 5.30 KID POWER
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 BIGFOOT AND WILDBOY
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 BIGFOOT AND WILDBOY — sambongan
- 6.30 THE MUPPET SHOW — "Glenda Jackson"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MONTE CARLO SHOW
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 THE MONTE CARLO SHOW — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ZAINI DAN GILLEN SHOW
- 9.00 SOAP — Ep. 2
- 9.30 BIG LEAGUE SOCCER
- 10.20 HAWAII FIVE O — "Ready, Aim"
- Berkerjasama dengan sa-orang pegawai polis dari Tokyo, McGarrett chuba menyiasat puncha penyeludupan senjata api yang di-kirim ka-Jepun.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU - 3HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE THING 7913
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 BEWITCHED

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FOUNDATION — Ep. 19
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 FOUNDATION — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA



DEREK Godfrey sa-bagai Captain Edward Holt di-kapal H.M.S. HERO dari siri Warship dengan episod terakhir-nya "Operation Sting Ray" pada Isnin depan jam 10.30 malam.

- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 MARI MEMASAK
- 9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA — "Orang Orang Liar"
- Pelakun2: Ratno Timoer, Farouk Afere, Sylvia Irani, Harun Sjarif.
- 11.10 CITIES: "Mai Zatterling's: Stockholm"
- Seniwati, penulis dan pengarah agong Sweden Mai Zetterling akan membawa kita menjelajah bandar raya Stockholm, ibu negeri Sweden.
- 12.00 SIARAN TAMAT.

AHAD - 4HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 DON'T JUST SIT THERE
- 5.30 CAPTAIN CAVEMAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 CHILDREN'S FEATURES — "Fern the Red Deer"
- Kesah kanak2 di-Exmoor memelihara rusa.
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 FERN THE RED DEER — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE DUKES OF HAZZARD
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 THE DUKES OF HAZZARD — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 GEORGE AND MILDRED
- 9.00 INI-LAH LAGU-KU
- 9.50 TINKER TAILOR SOLDIER SPY
- 10.40 ARMCHAIR THRILLER — "A Dog's Ransom" — Bahagian 2
- 11.10 SIARAN TAMAT

ISNIN - 5HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN — Ep. 11
- 5.30 WORZEL GUMMIDGE
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 HERE'S BOOMER
- 6.27 AZAN MAGHRIB
- 6.31 HERE'S BOOMER — sambongan
- 6.32 JASON OF STAR COMMAND

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 VEGAS
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 VEGAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 MINDER
- 9.40 LIFE ON EARTH — Siri ini memaparkan drama kemunculan dan perkembangan hidup2an di-muka bumi ini. Penulis dan penyampai ia-lah David Attenborough sa-orang penerbit talivishen yang berpengalaman dan pakar dalam ilmu haiwan.
- 10.30 WARSHIP — "Operation Sting Ray"
- Walau pun satu pertemporan sedang berleluasa ada-lah menjadi tugas Napier untuk menghantar warganegara British ka-landasan kapal terbang — sendangkan Zoe pula di-tangkap oleh sa-orang pengganas yang kejam.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA - 6HB JAN.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
- 5.30 THE SHARI SHOW — "Sweet Harmony"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 GRANGE HILL
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.33 THE JACKSONS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOVE BOAT — "The Congressman Was Indiscreet"
- Ahli Kongress John Whitcomb yang di-tuduh terlibat dalam satu skandal dan chuba menchari ketenangan dengan menumpang pelayaran Pacific Princess. Dalam pelayaran beliau telah berkenalan dengan Robin Brant pemberita cherdek dari sa-buah surat khabar.
- 7.42 AZAN ISHA
- 7.45 LOVE BOAT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 CHERAMAH MAULUD
- 8.40 ARENA SOKAN
- 9.25 BIG MOVIE — "Isadora"
- 10.55 BILLY LIAR
- 11.25 SIARAN TAMAT.



DAVID Attenborough penulis dan penyampai 'Life On Earth' satu siri baru yang akan mula di-siarkan pada hari Isnin depan jam 9.40 malam.



KELIHATAN Dayang Noraini bte Haji Abdul Manaf sedang menjalankan ujian darah di-makmal Rumah Sakit Umom di-Bandar Seri Begawan.

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran telah mula menitik beratkan usaha2 yang positif dalam memperkenalkan skim latehan be kerja ia-itu sa-bagai salah satu chara merealisasikan pilihan kerjaya penuntut2 Pusat Tingkatan Enam di-dunia pekerjaan.

Usaha begini dapat-lah di-ketengahkan apabila penuntut2 tahun dua PTE di-berikan chuti panjang selama 4 hingga 9 bulan yang bermula setelah tamat-nya peperiksaan peringkat tinggi pada bulan Nobember sa-hingga keputusan peperiksaan di-umumkan.

Sa-belum skim ini di-hadapkan kepada pehak yang berkenaan bagi mendapatkan persetujuan, satu Jawatankuasa telah di-bentuk seperti surat keliling Jabatan Pelajaran bil: 105/79 bertujuan untuk membincangkan Ker-tas skim ini.

Skim ini telah di-luluskan oleh Setia Usaha Kerajaan bil: SUK 55/79 bertarikh 6hb. Mach, 1979.

Berpendukan kepada kebenaran yang telah di-berikan, satu pilot projek telah di-jalankan selama satu bulan ia-itu pada bulan April 1979 dan telah melibatkan kira2 40 orang penuntut sahaja.



AWANG Mohd Yusof bin Sukaimi salah sa-orang penuntut skim kelihatan menulis buku pendaftaran surat2 yang diterima di-Pejabat Pos Besar di-ibu negeri.

Projek ini telah di-kaji dan satu rumusan telah di-ambil khusus bagi pencapaian tujuan dan matak-lamat yang terdiri dari-pada 3 sudut penting:—

◇ Penempatan latehan be kerja yang berkaitan dengan pilihan kerjaya.

◇ Penempatan latehan be kerja yang perlu di-isikan kerana kekurangan kaki-tangan.

◇ Penglibatan sektor swasta dalam memberikan kemudahan2 latehan be kerja.

Di-samping itu sokongan bagi menaikkan alaan penuntut2 yang mengikuti skim ini sebanyak \$6.00 sa-hari telah di-hadapkan dan di-luluskan seperti memo Setia Usaha Kerajaan bil (20) 55/79 bertarikh 7hb. Januari, 1980. Sekarang alaan penuntut di-berikan sa-banyak \$15.00 sa-hari.

TUJUAN SKIM

LATEHAN BE KERJA

a) Memberikan kemudahan latehan be kerja se-chara sementara kepada penuntut2 PTE yang sudah mengambil peperiksaan peringkat Tinggi/'A' level.

b) Mendampingi penuntut2 lebih dekat lagi pilihan kerjaya-nya di-dunia pekerjaan.

c) Menambahkan pengalaman dan pengetahuan dalam aspek2 pekerja-

an dan latehan yang tertentu.

d) Membiasakan penuntut2 dalam pengalaman disiplin diri sendiri ketika menjalankan tugas dan tanggung-jawab yang di-arahkan.

LAPORAN 1980

a) Persediaan Pengerusi serta setia usaha skim ini telah memberikan satu cheramah berupa taklimat kepada penuntut2 tahun dua PTE pada 7hb. Nobember, 1979. Ini ada-lah satu langkah pertama bagi mengumpulkan bilangan penuntut yang berminat untuk mengikuti skim ini.

Di-samping itu juga kemudahan2 berlateh yang telah di-'canvass' oleh Pengerusi berjumlah 199 kekosongan, setiausaha 8. Jumlah besar kekosongan berlateh ia-lah 207.

Seterus-nya penuntut2 yang telah memohon, di-temuduga oleh pengerusi pada bulan Nobember dan Disember ia-itu sechara perseorangan dan kum-polan (individual/group interview) bagi menetapkan



PENUNTUT ini sedang menjalankan tugas-nya sa-bagai tekneshen Radio Talivishen Brunei.

kan tempat berlateh serta tugas dan tanggung-jawab masing2.

Skim ini di-kendalikan selama 9 bulan, bermula pada 2hb. Januari, 1980.

Permohonan2 yang tidak menchukopi sharat2 yang telah di-tetapkan dengan sendiri-nya tidak di-per-timbangkan. Begitu-lah juga penuntut2 yang gagal memperoleh sekurang2-nya satu kelulusan peringkat tinggi dalam peperiksaan Mock Nobember, 1979.

Di-samping itu Brunei Shell Petroleum Company Limited juga sama2 menjayakan skim melalui 'vacation training' mereka dengan melateh kira2 8 orang penuntut. Laporan latehan yang di-kendalikan oleh pehak BSP Co. Ltd. tidak-lah dapat di-muatkan di-sini.

b) Kekosongan dan tempat berlateh.

Sa-jumlah 199 kekosongan berlateh telah di-isikan oleh 187 orang penuntut; 6 orang penuntut masing2 mengisikan tempat bertugas. Baki-nya sa-banyak 8 kekosongan tidak-lah dapat di-isikan kerana bentok serta latehan-nya berkehendakkan pengetahuan serta kemahiran yang tertentu. Lihat Lampiran A.

Keramaian Penuntut2 yang mengikuti skim ini serta follow-up-nya sa-lepas September, 1980 (tidak termasuk lapan orang penuntut di-Brunei Shell Petroleum Company Limited).

Sa-ramai 220 permohonan berlateh telah di-terima akhir tahun 1979 dan 25 daripada permo-

SKIM LATEHAN B

RENCHANA bergambar ini ada-lah atas kerjasama dari Johari bin Haji Awang, Pegawai Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kami sentiasa mengalu-alukan sa-tiap kerjasama yang berkebahjikan sa-umpama ini dari jabatan2 kerajaan lain-nya, mengenai sekitar bidang pembangunan dan perkembangan yang telah atau yang sedang di-usahakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Kerjasama sa-demikian amat-lah menggalakkan dan di-hargai.—Pengarang.

honan ini telah tidak di-pertimbangkan kerana mereka gagal memperoleh sekurang2-nya satu mata pelajaran peringkat 'A' peperiksaan 'Mock'.

185 orang penuntut telah di-berikan kemudahan berlateh di-Jabatan Kerajaan dan 2 di-sektor swasta, jumlah besar 187 lihat lampiran B, C dan D.

SAMBUTAN DARIPADA PENUNTUT2

Satu kajian telah di-jalankan sa-lama kira2 3 minggu bagi menyelidik kemajuan skim ini. Kajian itu berserta dengan komen2 mereka telah di-pamerkan sempena Hari Pelajar 5hb Julai 1980 di-MMPBS/Sekolah Sains Jalan Muara.

Kira2 28 orang penuntut telah di-temuduga. Berikut ada-lah sa-bahagian chontoh komen2 yang telah di-chatetkan. Nama serta butir2 lanjut di-rahsiaikan tetapi akan di-maklumkan jika di-kehendaki:—

".... Mengelakkan penganggoran sementara penuntut2 PTE ketika menunggu keputusan peperiksaan."

".... Patut di-teruskan di-masa2 yang akan datang, kerana skim ini dapat mengasoh bakat dan kemahiran serta menambatkan pengalaman se-chara praktikal."

".... Dapat membekali perjalanannya satu2 pejabat serta masaalah2 pejabat...."

".... Dapat menumpukan masa dengan aktiviti2 yang berfaedah dan

konstruktif, serba sedikit dapat pula menyumbang-kan tenaga...."

".... Memberi peluang untuk membimbing penuntut dalam pilihan kerjaya dan dengan sechara tidak langsung membentuk keperibadian penuntut dalam mengamalkan sikap dan disiplin diri sendiri terhadap orang ramai, khusus-nya dari segi daya pemikiran, pergaulan dan tanggung-jawab...."

".... Teknik menggunakan alat2 X-Ray serta cheramah juga di-berikan 2 jam sa-hari."

LAPORAN KEWANGAN

Peruntukan kewangan khas bagi menjayakan skim ini belum di-sediakan dalam Perbelanjaan Kewangan tahunan 1980. Walau bagaimana pun Pengarah Pelajaran telah bersetuju menggunakan (vote 13A & B) Alaan Sara Hidup bagi sekolah2 rendah dan menengah.

Sa-banyak \$351,885.00



KELIHATAN Awang Jali bin Nudin ukoran yang di-buat-nya ketika bertu Antarabangsa bersama kakitangan Pe



DK Masjidah binte Pg Haji Tengah ada-lah di-antara yang ba-bakat kerjaya. Kelihatan ia sedang menjalankan X-Ray di-Ruma Masjidah sedang melanjutkan pelajaran-nya untuk Diploma bahag

KHUSU' DLM SEMBAHYANG UBAT SEGALA PENYAKIT

MEMANG tidak dapat di-nafikan bahawa ibadat sembahyang itu ada-lah merupakan salah satu ibadat yang paling penting di-dalam agama Islam, ia ada-lah salah satu tiang Ugamma yang tidak sa-harusnya di-ringankan oleh sa-tiap orang Islam. Sembahyang ada-lah satu jambatan yang menghubungkan manusia dengan Tuhan-nya, sebab ini-lah sembahyang yang di-lakukan dengan chara yang lebeh sempurna akan menjadi benteng yang menghalang sa-seorang itu dari melakukan kerja2 maksiat dan dia juga sa-bagai ubat yang dapat menghilangkan sa-seorang itu dari mendapat penyakit jiwa, perasaan gelisah dan dukachita sa-masa di-dunia ini.

Sembahyang bukan hanya di-lakukan dengan anggota lahir, malahan ia-nya memerlukan pemusatan hati yang sa-penoh-nya kepada Allah, di-samping tindak-tandok yang di-lakukan dalam sembahyang itu hanya sa-mata2 kepada Allah Taala. Maka dengan ini segala amal perbuatan yang di-lakukan dalam sembahyang hendaklah di-sertai dengan penoh kesopanan dan tata-tertib yang lebeh sa-akan2 kita berhadapan dengan pembesar2 negara kita.

Ibadat sembahyang yang di-lakukan dengan penoh tata-tertib dan pemusatan hati dan fikiran kepada Allah akan mendatangkan kekhusu'an kepada sa-seorang itu, dan khusu' dalam sembahyang itu akan di-nilai dan di-beri ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. sa-bagaimana firman Allah di-dalam Al-Kor'an Al-Karim yang bermaksud: *Sesungguh-nya mendapat kemenangan-lah orang2 yang khusu' di-dalam sembahyang mereka.*

Dari keterangan ayat di-atas dapat-lah di-fahamkan bahawa khusu' di-dalam sembahyang itu ada-lah sangat2 di-tuntut bagi sa-seorang membuat-nya. Khusu' di-dalam sembahyang biasa hanya lahir dari hati sa-seorang yang takwa kepada Allah, lahir dari hati yang ka-

gum terhadap kebesaran Allah dan kekuasaan-Nya dengan di-sertai perasaan sadar dan insaf yang kita ada-lah hamba Allah yang paling hina dan lemah di-hadapan orang yang paling besar dan mempunyai segala kekuasaan.

Sa-seorang Islam yang telah mencapai taraf khusu' yang sebenar dalam mengerjakan ibadat sembahyang dia akan dapat mengubati sakit dengan sembahyang, dia tidak akan sedar walau-pun sa-ekor burung yang hinggap di-kepala, dan dia tidak akan merasa hidup kelanguan, dan tidak akan berasa putus asa walau pun ratusan ujian yang di-hadapi-nya, ia akan sanggup menghadapi-nya, kerana pada saat itu segala isi hati-nya telah berada di-sisi Allah, maka untuk berbuat kerja-kerja maksiat dan perkara2 dosa akan terhindar dari mereka sa-bagaimana firman Allah Taala yang bermaksud: *Sa-sungguh-nya sembahyang itu mencegah daripada kekhurupan dan kejahatan.*

Memang tidak dapat di-nafikan bahawa ada sa-tengah2 orang yang mengerjakan ibadat sembahyang dengan begitu rajin, tetapi sifat dan perangainya maseh juga mengerjakan perkara2 maksiat yang di-tegah oleh Allah s.w.t. Perkara ini dapat-



lah di-tegaskan bahawa ibadat sembahyang yang di-kerjaan-nya itu sa-benar-nya belum lagi memberi apa2 kesan di-dalam jiwa mereka, dan ini menandakan bahawa sembahyang yang di-buat-nya itu belum dapat menolong-nya di-dunia ini, apatah lagi untuk menolong-nya di-akhirat bagi mendapat shurga. Oleh itu usaha yang gigih dan bersungguh2 hendaklah di-buat lagi dengan baik sa-hingga ibadat itu dapat meresap ka-dalam jiwa mereka masing2 sampai kepada mertabat yang sembahyang itu menche-gah dari segala perbuatan yang mungkar.

Bersempena dengan hari Jumaat yang mulia ini mari-lah kita sama2 mengerjakan ibadat sembahyang dengan penoh perasaan khusu' dan tawadhu' kepada Allah bagi mencapai darjat kebaikan daripada Allah yang selama ini kita harapkan.

Jauhi daripada sifat hasad dan dengki

ALLAH s.w.t., mengornia-kan rezeki kepada, sekeli-an manusia, antara-nya mereka di-kornia-kan kesenangan harta kekayaan, kerana Allah s.w.t., hendak menyaksikan bagaimana mereka menggunakan harta kekayaan itu dan supaya mereka bersyukur dan berterima kasih, dan antara-nya pula di-timpakan kesusahan dan kemelatan guna untuk menguji kesanggupan, kesabaran dan ketabahan hati serta iman sa-seorang itu dalam menerima dugaan Allah dan supaya mereka tundok kepada-Nya.

Dalam menilai keadaan sa-umpama itu-lah timbul dua perasaan yang tidak dapat di-pisahkan, yang mana dua perasaan ini-lah yang menyebabkan sa-seorang manusia itu mudah terjerumus ka-jurang yang menyerupakan sifat-nya kepada sifat shaitan yang di-laknat oleh Allah s.w.t., yang mana dua perasaan yang di-maksudkan itu ia-lah hasad dan dengki. Kena-pa-kah ada di-antara kita yang menaruh perasaan hasad dan dengki terhadap saudara2 yang lain di-atas kelebihan nikmat yang di-kornia-kan Allah? Pada hal Allah yang mengornia-kan segala2-nya

dengan berkat tekun, usaha dan ikhtiar sa-seorang itu. Kenapa pula ada antara kita yang sakit hati manakala melihat antara saudara2-nya hidup dalam limpah nikmat, kelebihan, kesenangan dan tinggi pangkat?

Firman Allah dalam Surah An-Nisa' sebahagian ayat 54, yang kira2 bermaksud: *"Atau-kah mereka dengki kepada manusia lantaran kornia yang Allah telah berikan kepada manusia itu?"*

Orang yang hasad itu ada-lah orang yang tidak senang hati dan iri-hati manakala melihat kesenangan yang di-perolehi oleh sa-seorang, mereka meminta dan berdoa agar kelebihan dan kesenangan hidup sa-seorang itu tertutup atau di-binasakan, kerana mereka lebeh suka kira-nya hidup orang itu miskin dan menderita.

Dalam perkara ini Allah s.w.t., ada menegakkan sebagaimana maksud firman-Nya dalam Surah Ali Imran sebahagian ayat 120, yang kira2 bermaksud: *"Jika kamu memperolehi kebaikan, nescaya mereka bersedeh hati, tetapi jika kamu mendapat bencana, mereka bergembira kerana-nya."*

Sifat hasad dan dengki itu ada-lah satu2-nya sen-

Bingkisan minggu ini

jata shaitan yang amat tajam menikam hati manusia, menanam perasaan benchi-membenchi, chachi-menchachi dan dendam-mendendam. Sifat yang keji ini boleh menyebabkan derhaka kepada Allah, kerana iblis yang hasad kepada Nabi Allah Adam a.s., telah enggan menurut perintah Allah supaya tundok sujud kepada Nabi Allah Adam a.s., lalu ia menghasut Nabi Allah Adam a.s., supaya memakan buah khuldi yang di-larang oleh Allah daripada memakannya, hinggalan Nabi Allah Adam a.s., di-sifatkan sebagai menderhaka lalu di-singkirkan dari shurga berserta dengan iblis yang hasad tersebut.

Begitu-lah betapa keji-nya perasaan hasad yang jika di-amalkan akan boleh meluchutkan segala kenekmatan yang telah sedia ada. Sebab itu Jun-jongan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w., ada bersabda saperti mana yang di-riwayatkan oleh Abu Daud yang kira2 bermaksud: *Jaga2-lah diri kamu dan jauhkan-lah daripada sifat hasad, kerana hasad itu membina-sakan segala kebajikan, saperti api memakan kayu yang kering."*

Dengan demikian sayu-gia-lah kita orang2 Islam supaya jangan menaruh sifat atau perasaan hasad dan dengki sesama manusia, kerana sifat atau perasaan sa-umpama itu akan membina-sakan segala kebajikan dan tabahan lagi orang yang bersifat sa-demikian itu ada-lah hampir diri-nya kepada sifat shaitan. Dari itu hindarkan-lah diri kita daripada mewarishi sifat makhlok yang di-laknat oleh Allah itu.

Memelok Ugama Islam

SUPON KECHIL. — Satu majlis pengIslaman bagi satu keluarga Iban saramai 7 orang telah berlangsung di-ruah panjang di-sini baru2 ini.

Mengepalai keluarga tersebut ia-lah Beran anak Geliga, 43 tahun yang kini di-kenali sebagai Md. Zain bin Abdullah, manakala isteri-nya Hitam anak Buan kini di-kenali sebagai Dyg Jamilah bte Abdullah. Sementara anak2 mereka masing2 kini di-kenali sa-bagai Mohamad, Azizah, Siti Sara, Anuar dan Md. Murad. Mereka melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Pegawai Ugama Pg. Mohamad bin Pg. Haji Abd. Rahman dan Awg. Haji Abd. Wahab bin Hj. Othman, Imam Masjid Penanjong.

Hadhir dan sa-terusnya menyampaikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Kadhi Daerah Tutong Awang Haji Bolhassan bin Haji Md. Jair dan Pemangku Penguasa Penerangan dan Tabligh, Brunei Awg. Haji Mohd. Murad bin Abang Ali. Juga turut hadir ia-lah Pegawai Daerah Tutong Awg. Haji Chuchu bin Peng-

lima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah yang mana juga telah menyampaikan chendera mata daripada Majlis Ugama Islam Brunei kepada saudara2 baru Islam itu. Majlis malam itu telah juga di-serikan dengan zikir marhaban.

Sementara itu satu lagi majlis pengIslaman telah juga berlangsung baru2 ini bertempat di-ruah Awg. Ahmad Bujang bin

Abdullah No, 28 Kampong Manggis Satu di-Daerah Brunei dan Muara. Saudara baru itu ia-lah Khairul Affeni bin Abdullah yang sa-belum itu di-kenali sebagai Yong Seraniah. Ia melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Awg. Haji Ismail bin Mat Serudin.



AWANG Md Zain bin Abdullah berserta keluarga-nya ketika melafadzkan ikrar Islam di-majlis pengIslaman mereka di-ruah panjang Supon Kechil baru2 ini.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 31hb Disember, 1980 hingga kahari Selasa 6hb Januari, 1981, ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
31hb Dis		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09	6.27
1hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
2hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
3hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
4hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
5hb Jan		12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12	6.29
6hb Jan		12.33	3.52	6.29	7.42	4.59	5.14	6.31

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

KANAK2 PUNGUT

KANAK2 kechil yang di-jumpai (di-pungut) di-sebut dalam kitab2 feqah dengan nama 'Laqit' atau 'Manbuz'. Erti-nya kanak2 kechil pungutan atau yang di-buang di-jalan dan sa-umpama-nya, dengan tiada di-ketahui siapa penjaga yang tertentu bagi-nya atau tiada siapa yang mengakui-nya.

Kanak2 laqit yang di-pungut dalam negeri Islam (yang di-ketahui jadi tempat diam orang Islam) walau pun di-situ terdapat kafir Zimmi, maka di-hukumkan kanak2 laqit itu Islam, kerana ia di-dapati dalam negeri Islam ia-itu berdasarkan kapada sa-buah hadith

الْإِسْلَامُ يَغْلُو وَلَا يَغْلَى عَلَيْهِ.

Erti-nya: "Islam itu ting-
gi dan tiada-lah sa-suatu
pun yang lebeh tinggi dari-
pada-nya." (Di-riwayatkan
oleh Imam Ahmad dan Ad-
Daraqutni).

Memungut kanak2 laqit
itu termasuk dalam perkara
fardhu Kifayah di-atas
orang2 Islam, sekali pun
yang memungut itu fasik
(akan tetapi tiada-lah wi-
layah atau kuasa orang fa-
sik ka-atas kanak2 laqit itu).
Jikalau sa-orang sahaja
yang mengetahui-nya maka
wajib ia memungut kanak2
laqit itu sa-bagai fardhu
'Ain ka-atas-nya.

Perlu juga di-perhatikan,
kalau budak atau orang
fasik atau orang kafir dan
sa-umpama-nya memungut
kanak2 laqit Islam maka
wajib bagi raja mengambil
kanak2 laqit itu daripada-
nya.

SHARAT PEMELIHARA

Berhubung dengan syarat
thabit kuasa dan ada wila-
yah (pemeliharaan) bagi
orang yang memungut ka-
nak2 laqit itu hendak-lah
ia Islam, mukallaf, merde-
heka, serta adil dan rashid.
Memungut kanak2 laqit itu
tiada berhajat atau memer-
lukan kebenaran raja ter-
lebeh dahulu, tetapi sunat
di-serahkan kanak2 laqit itu
kapada pehak raja.

Seterus-nya wajib di-atas
orang yang memungut itu
menchari dua orang saksi
yang adil di-atas pungutan
kanak2 laqit itu dan di-atas
harta yang ada bersama2-
nya. Jika ia tiada menyaksi-
kan-nya kapada dua orang
saksi yang adil jadi-lah ia
fasik dan tiada ada wilayah
atau kuasa-nya untuk me-
ngasoh dan menjaga ka-
nak2 laqit itu melainkan ji-
ka ia bertaubat dan me-
nyaksikan-nya semula. Ini
ia-lah menurut pendapat
Imam As-Subki bahawa ti-
ada menchari saksi bagi
perkara yang di-maksudkan
ada-lah suatu fasik.

Ada pun dalil wajib me-

Siri ke-60

mungut kanak2 laqit itu ia-
lah saperti firman Allah
Ta'ala:

(Ayat 35, Surah Al-
Ma'edah)

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ
جَمِيعًا

Tafsir-nya: "Barang si-
apa menghidupkan sa-
orang manusia (saperti ka-
nak-kanak laqit itu dan ti-
ada mengabaikan-nya) ma-
ka sa-olah2 ia telah meng-
hidupkan sekalian manusia
(dan menghormati nyawa
mereka itu)."

NYAWA MANUSIA DI-HORMATI

Dalam pandangan Islam,
kanak2 laqit itu ada-lah
manusia yang 'muhtaram'
(di-hormati nyawa-nya) sa-
bagai mana juga orang
'mudhtar' (dalam keadaan
terhimpit, terdesak dan che-
mas) di-hormati nyawa-nya
dengan di-beri makanan
jika ia dalam keadaan la-
par, atau di-beri perlin-
dungan jika ia dalam ke-
adaan bahaya.

Apabila orang bandar
mendapat kanak2 laqit itu
di-bandar atau di-kampung
maka tiada-lah harus ka-
nak2 laqit itu di-pindahkan
ka-badiyah (pendalaman),
kerana pada lazim-nya pen-
dalaman itu tiada imarah
(pembangunan). Tempat
yang ada kemajuan dan
pembangunan hanya-lah
kampung2 dan bandar2.
Lebeh2 lagi kehidupan da-
lam badiyah (pendalaman)
itu selalu-nya penoh de-
ngan kekasaran dan ke-
ganasan dan tiada peluang
untuk mendapatkan penge-
tahuan dunia dan ugama.

Ada pun memindahkan
laqit itu dari satu negeri ka-
satu negeri, dari satu ban-
dar ka-bandar dan dari satu
kampung ka-kampung yang
lain ada-lah harus dengan
syarat aman dalam per-
jalanan, dan ada perhu-
bongan atau sampai per-
khabaran.

BELANJA KANAK2 PUNGUT

Berhubung dengan belan-
ja kanak2 laqit itu, ia boleh
di-ambil dari Harta 'Am
saperti harta yang 'di-wa-
kafkan untuk kanak2 laqit,
atau Harta Khas ia-itu har-
ta yang ada pada-nya sa-
masa di-pungut saperti ba-
ju, selimut, wang, emas dan
sa-bagai-nya.

Sa-kira-nya kanak2 laqit
itu tiada mempunyai sa-
barang harta, maka hen-
dak-lah di-ambil untuk be-
lanja-nya dari harta Baitol-
Mal, dan jika pula tiada
Baitol-Mal maka wajib-lah
orang Islam yang mempu-
nyai kelebihan memberi be-
lanja kapada kanak2 laqit
itu sa-kadar yang chukop
dengan jalan hutang.

Mengenai dengan harta
kanak2 laqit itu — jika ada,
maka orang yang memu-
ngut kanak2 laqit itu di-
bolehkan ia memelihara
atau menjaga harta terse-
but, tetapi jangan-lah ia
membelanjakan harta itu
(ka-atas laqit itu) melainkan
sa-telah mendapat kebenar-
an daripada Kadhi.

PENDAPAT IMAM AN-NAWAWI

Imam An-Nawawi dalam
kitab-nya Minhajut-Talibin
mengatakan: "Memungut
kanak2 kechil yang ter-
buang itu suatu perkara

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

fardhu Kifayah dan wajib
orang yang memungut itu
menyaksikan-nya kapada
orang yang adil (demikian
menurut pendapat yang le-
beh tepat). Sementara
orang yang di-beri kuasa
oleh shara' untuk menjaga
dan mengasoh kanak2 laqit
itu mempunyai syarat2 ber-
ikut ia-itu: mukallaf, mer-
deheka, Islam, adil dan
rashid."

Seterus-nya menurut
Imam An-Nawawi:

"Apabila di-dapati sa-
orang laqit dalam negeri
Islam, dan di-benarkan
orang kaya tinggal di-situ,
maka di-hukumkan juga
kanak2 itu Islam."

KESIMPULAN

Kesimpulan-nya, dengan
keterangan di-atas, jelas-lah
bahawa Islam sentiasa me-
ngambil berat pada men-
jaga, memelihara dan
menghormati nyawa sa-ba-
gai sa-mulia2 makhluk yang
di-jadikan Allah di-muka
bumi ini termasuk-lah ka-
nak2 laqit. Dengan yang
demikian akan ujud-lah ke-
amanan, ketenteraman dan
kebahagiaan manusia hidup
bersama, berbakti kapada
Allah, beramal saleh dan
tolong menolong antara
satu sama lain.

WALLAHU A'ALAM

PEMBETULAN

TERDAPAT beberapa kesilapan menyalin dalam siri
ke-55 dan 57 yang lalu. Sila ambil perhatian kapada
pembetulan-nya saperti berikut:—

Siri	Salah	Betul
55	قَالَ الرَّبُّ عَزَّ وَجَلَّ أَنْظُرُوا لِعَبْدِي مَنْ تَطَوَّعَ فِيكُمْ بِهَا .	قَالَ الرَّبُّ عَزَّ وَجَلَّ أَنْظُرُوا لِعَبْدِي هَلْ مِنْ تَطَوَّعَ فِيمَكُم بِهَا
57	... kita betulkan i'tikad kita kapada Allah dengan mengesah-Nya	... kita betulkan i'tiqad kita kapada Allah dengan mengesakan-Nya . . .



KELIHATAN dalam gambar ia-lah majlis pengIslaman bagi Awang Khairul Affeni bin Abdullah yang melafar-
kan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato
Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin. Majlis tersebut telah berlangsung di-Kampung Manggis Satu,
Jalan Muara.

PEKERJA 1979/1980

LAMPIRAN A

di-gunakan sepanjang 9 bulan. Keramaian di-tut ia-lah 187 orang. maian ini berkurang apabila penuntut2 ulangi pelajaran di-memasuki kerjaya ruan/ mengikuti s Diploma atau De-di-seberang laut. Li-lampiran D.

KESIMPULAN

pendukan kepada yang di-jalankan lah di-rengkaskan lathan berkerja ini berjaya men-tujuan dan mata-nya.

ngkah2 penting bagi etengahan skim ini un2 akan datang di-teruskan di-sam-membuat kajian2 ba-perbaiki perjalanan ni mengikut kertas ang di-luluskan.

ntokkan kewangan telah di-ikhtiarkan bagi skim ini di-1981 nanti. Semen-aklimat bagi skim ah di-berikan pada Oktober, 1980. Bo-permohonan juga te-erima dan akan di-pada akhir tahun

ah2 Belait/Seria, Tu-an Temburong akan lagi bagi memba-un kemudahan ber-nenuntut2 yang ting-kawasan2 yang ber-



sedang mencatat hasil as di-Lapangan Terbang bat Ukor.



peluang mengikuti skim Sakti Umom. Kini Dk Radiography.

Nama Tempat	Kekosongan	Yang di-isikan	Yang tidak di-isi
JABATAN2 KERAJAAN			
1. Dewan Bahasa dan Pustaka	13	13	0
2. Jabatan Kerja Raya	10	4 *1	6
3. Jabatan Kemajuan Kerjasama, KB	2	1	1
4. Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan			
a. Bandar Seri Begawan	8	8 *4	0
b. Kuala Belait	1	1	0
5. Pejabat Kewangan	1	1	0
6. Odit	2	2	0
7. Pejabat Daerah Brunei/Muara	2	2	0
8. Pejabat Muzium	6	6 *3	0
9. Perancang Bandar dan Desa	2	2	2
10. Perubatan dan Kesihatan	9	9 *2	0
11. Pejabat Perikanan	1	1 *2	0
12. Pelajaran			
a. Anak2 Chachat	2	2	0
b. Ibu Pejabat B.S.B.	5	5 *4	0
c. Jabatan Pelajaran, Tutong	3	3	0
d. Pra-sekolah			
1) SM Ahmad Tajuddin, KB	1	1	0
2) SM Batu Marang	1	1	1
3) SM Dato Gandhi	1	1	0
4) SM Dato Mahawangsa			
Lambak	1	1	0
5) SM Kupang, Tutong	1	1	0
6) SM Lamunin, Tutong	1	1	0
7) SM Lela Menchanai	2	2	0
8) SM Limau Manis	1	1	0
9) SM Lumut, Seria	1	1	0
10) SM OKSB Kilanas	2	2	0
11) SR Pehin Dato Jamil	1	1	0
12) SR Pengiran Anak			
Puteri Besar	2	2	0
13) SM Puni, Temburong	1	1	0
14) SM Pusu Ulak	1	1	0
15) SM Raja Isteri Fatimah	1	1	0
16) SM Sengkuring	1	1	0
17) SM Serasa, Muara	1	1	0
18) SM Sungai Kebun	1	1	0
19) SM Sungai Liang Belait	2	2	0
20) SM SUAS, Muara	1	1	0
21) SM Sultan Abd. Bubin			
Sungai Besar	1	1	0
22) SM Sultan Hassan, Bangar	2	2	0
e. Pusat Perkembangan Kurikulum (Pusat Projek Sains)	3	3 *6	0
f. Sekolah/Maktab			
1) Maktab S.O.A.S.	7	6	1
2) Maktab Anthony Abell	2	2	0
3) Maktab MPSBS/Sekolah Sains	6	6 *6	0
4) Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah	2	2	0
5) Pusat Tingkatan Enam	7	7 *1	0
6) S.T.P.R.I.	2	2 *5	0
7) Sekolah Inggeris Berakas	3	3	0
8) Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait	4	4	0
9) Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah	2	2	0
10) Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah	1	1	0
11) Sekolah Lathan Perguruan, Gadong	1	1 *5	0
12) S.M.M. Ahmad Tajuddin	3	3	0
13) S.M.M. Mohammad Alam, Seria	2	2	1
14) S.M.M. Muda Hashim	2	2	0
15) S.M.M. SMJA	5	5	0
16) S.M.M. Sultan Hassan Bangar	4	4	0

13. Pertanian			
a. Pusat Latihan Pertanian Sinaut	1	1	0
b. Steshen Pertanian Kilanas	9	9	0
14. Pos			
a. Bandar Seri Begawan	2	2	0
b. Kuala Belait	2	2	0
c. Temburong	1	1	0
d. Tutong	1	1	0
e. Seria	2	2	0
15. Radio dan Talivishen			
a. Pemberita	10	10	0
b. Teknesin	5	5	0
16. Setia Usaha Kerajaan Brunei			
a. Penerangan	4	4	0
b. Yunit Perancang Ekonomi	3	3	0
17. Surohanjaya Perkhidmatan Awam	1	1	0
18. Talikom	9	9	0
19. Ukor	2	2	0

SEKTOR SWASTA

1. BCI Aircon	1	1 *3	0
2. Kota Batu Petrol Station	1	1	0
JUMLAH BESAR	207	199	8


Peringatan : — *1, *2, *3, *4, *5, *6 Pertukaran tempat berlatah.



KERJA melukis juga memerlukan kelembutan tangan untuk menghasilkan karya yang bermutu. Begitu-lah yang dapat kita saksikan Ak Maidin bin Pg Mohd Daud ketika menjalankan tugas di-Dewan Bahasa dan Pustaka bersama teman-nya.


LAMPIRAN B

PEMBAGIAHAN TEMPAT BERLATEH SKIM LATEHAN KERJA



LAMPIRAN C

PEMILIHAN KERJAYA PENUNTUT2 SA-TELAH SKIM DI-TAMATKAN SEPT. 1980



LAMPIRAN D

Bulan	Keramaian Penuntut			Jumlah Hari Berkerja	Pembayaran Alaon \$15.00 @
	Yang Masuk	Yang Keluar	Yang Di-daftarkan		
Januari	179	0	179	3,766	\$56,490.00
Februari	(b) 3	0	*182	3,587	\$53,805.00
Mach	—	(b) 1	181	4,028½	\$60,427.50
April	(c) 5	14	172	3,274	\$49,110.00
Mei	0	(d) 43	129	2,827	\$42,405.00
Jun	0	0	129	2,524½	\$37,867.50
Julai	0	(e) 4	125	1,703	\$25,545.00
Ogos	0	(f) 61	64	1,260	\$18,900.00
September	0	(f) 32	32	489	\$ 7,335.00
Oktober	0	(g) 32	0	—	—
Jumlah Besar	187			23,459	\$351,885.00

- (a) Tiga orang penuntut baharu mengikuti skim sa-telah mengikuti pepereksaan G.C.E. London dalam bulan Januari.
- (b) Sa-orang Penuntut berhenti.
- (c) Lima orang penuntut telah mengikuti skim ini sa-telah mendapat keputusan pepereksaan sementara 14 orang penuntut berhenti untuk melanjutkan pelajaran di-PTE.
- (d) Sa-ramai 43 orang penuntut berhenti untuk mengulangi pelajaran di-PTE/berkursus tiga tahun perguruan.
- (e) Empat orang penuntut berhenti kerana sebab2 tertentu.
- (f) Sa-ramai 61 orang penuntut dan 32 penuntut masing2 berhenti pada bulan Ogos/September kerana membuat persediaan bagi kursus seberang laut/process mencari pekerjaan.
- (g) Tiga puluh dua orang penuntut berhenti pada bulan September, 16 orang penuntut berhenti bagi melanjutkan pelajaran keluar negeri, 16 orang penuntut memohon pekerjaan.

PERSATUAN FOTOGRAFI LAWAT KOREA SELATAN



BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai sem-bilan orang ahli Persatuan Fotografi Brunei baru2 ini telah mengadakan satu la-watan sengkak ka-Korea Selatan.

Mereka telah di-ketuai oleh Naib Yang Dipertua Persatuan tersebut, Awg. Haji Kamaluddin bin Pehin Datu Penglima Haji Abu Bakar.

Lawatan tersebut ada-lah merupakan yang ju-long2 kali-nya di-lakukan oleh persatuan tersebut.

Di-samping untuk me-merhati tempat2 yang me-narek di-sana ahli2 per-satuan telah juga berke-sempatan menambah pe-ngalaman dengan ber-tukar2 pandangan dan pe-ngalaman dengan ahli2 fotografi di-Korea.

GAMBAR menunjokkan ahli2 persatuan sa-jurus sa-belum bertolak.



Bolasepak guru2 bermula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua perlawanan bolasepak guru2 antara daerah yang julong2 kali-nya di-anjorkan oleh Per-sekutuan Guru-Guru Me-layu Brunei telah di-jalan-kan di-dua tempat berasi-ngan minggu lalu.

Satu dari perlawanan tersebut ia-lah di-antara guru2 Daerah Belait yang di-adakan di-Padang SMJA di-ibu negeri. Per-lawanan tersebut telah di-menangi oleh Pasokan Gu-ru2 Daerah Belait dengan ja-ringan 3-2.

Sementara itu perlawan-an yang satu lagi telah di-jalankan di-Padang Seko-lah Menengah Melayu Mu-da Hashim Tutong di-an-tara Pasokan Guru-Guru Daerah Brunei-Muara de-ngan Pasokan Guru2 Dae-rah Tutong yang di-mena-ngi oleh guru2 daerah Brunei-Muara dengan ja-ringan 4-1.

Perlawanan Ping Pong bermula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan Ping Pong kali ke-2 yang di-anjorkan oleh Persatu-an Ping Pong Amatir Brunei sa-bagai satu pro-jek tahunan-nya telah ber-mula minggu lalu.

Perlawanan yang di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu S.M.J. A. di-sini itu terbahagi ka-pada perseorangan dan

bergu bagi lelaki dan pe-rempuan yang terbuka ka-pada pemain2 seluruh negeri.

Dalam bahagian per-seorangan lelaki sa-ramai 50 orang akan bertanding sementara hanya 6 orang akan bertanding dalam bahagian perseorangan pe-rempuan.


Perlawanan dalam ba-

hagian bergu pula terda-pat 22 pasokan akan me-nyertai bagi pemain lelaki manakala hanya tiga pa-sokan akan bertanding da-lam bahagian perempuan dalam bahagian tersebut.

Pemenang dalam ke-dua2 bahagian akan ber-jaya memenangi hadiah rebutan yang di-hadiah-kan oleh Awang Lim Ben Tai.



